

# Sultan berkenan projek SJER

um-31/7/2006

**Kawasan berkenaan akan dibangunkan sebagai sebuah kawasan urban yang dapat menarik syarikat-syarikat besar di dunia untuk membuat pelaburan**

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri

Oleh **ROHANI IBRAHIM**  
dan **MOHD. FAIRUZ YUSOF**

**JOHOR BAHRU** 30 Julai - Sultan Johor, Sultan Iskandar Ibni Almarhum Sultan Ismail berkenan supaya Projek Pembangunan Wilayah Selatan Johor (SJER) bernilai RM15 bilion diteruskan demi kepentingan rakyat dan negeri Johor.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Sultan Johor menyatakan perkenan itu ketika beliau mempersembahkan cadangan tersebut kepada baginda dalam pertemuan yang berlangsung di Istana Bukit Serene, di sini hari ini.

"Cadangan itu telah dipersembahkan kepada Sultan Johor dan baginda perkenan supaya cadangan itu diteruskan dan disiapkan seberapa segera.

"Saya bersyukur kepada Allah atas perkenan baginda dan berharap projek ini akan dilaksanakan secara kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Penamaan dan Pelancaran Kapal Kawalan Tumpahan Minyak di Ibu Pejabat Jabatan Laut Wilayah Selatan, Gelang Patah, di sini hari ini.

Abdullah menjelaskan, projek di kawasan seluas dua setengah kali ganda berbanding Singapura itu akan dibangunkan seperti mana pembangunan di Hong Kong dan Shenzhen, China.

"Projek tersebut mempunyai

nilai strategi yang tinggi kerana selatan Johor merupakan kawasan paling selatan bagi benua Asia dengan kelebihan keluasan dan harga tanah yang kompetitif," katanya.

Menurutnya, kawasan berkenaan akan dibangunkan sebagai sebuah kawasan urban yang dapat menarik syarikat-syarikat besar di dunia untuk membuat pelaburan dalam bidang tertentu.

Jelasnya, mekanisme mengenai projek itu masih lagi di peringkat perbincangan dan majlis atau badan yang melaksanakan projek itu akan diketuai secara bersama oleh beliau sendiri dan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman.

Abdullah berkata, setakat ini, projek tersebut mendapat maklum balas positif daripada pelabur dan Khazanah Nasional Berhad menjadi pemangkin dalam pembangunan itu.

Beliau memberitahu, pembangunan tersebut akan menjana pertumbuhan bandar baru selain boleh dimanfaatkan oleh rakyat tempatan melalui peluang pekerjaan yang akan wujud di kawasan tersebut.

Sebelum itu, pada sebelah pagi, Perdana Menteri ketika berucap di hadapan kira-kira 5,000 rakyat Johor yang menyambutnya di Lapangan Terbang Sultan Ismail, Senai berkata, kunjungan beliau ke negeri ini hari ini bertujuan membentangkan rancangan Kerajaan Pusat itu kepada Sultan Johor bagi mendapat perkenan baginda.

"Inilah penyebabnya Pak Lah



**ABDULLAH Ahmad Badawi disambut oleh penyokong-penyokong parti komponen Barisan Nasional negeri Johor di Lapangan Terbang Senai sempena lawatan sehari beliau di Johor Bahru, semalam.**

datang ke sini hari ini. Walaupun saya tahu saya akan datang untuk lawatan rasmi pada bulan ini juga, pada 14 haribulan (Ogos) saya datang sekali lagi.

"Tak apalah, datang banyak kali pun tiada masalah. Tapi hari ini (saya datang) supaya dapat dibentangkan perkara ini (pembangunan SJER) dan disampaikan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor," katanya.

Menurut Perdana Menteri, beliau memahami bahawa tradisi pembangunan yang moden sudah wujud di jiwa pemerintah dan rakyat sejak zaman Sultan

Abu Bakar lagi.

"Bermula pada zaman Sultan Abu Bakar dulu lagi, Johor sudah jadi moden. Kawasan yang termoden sekali di Semenanjung Tanah Melayu," kata beliau.

Malahan, tambah Abdullah, sejak zaman Sultan Abu Bakar sehinggalah zaman Kesultanan Johor hari ini, negeri Johor terus berkembang maju.

Perdana Menteri berkata, selain mendapat perkenan Sultan Johor, kehadiran beliau juga bertujuan mengumumkan misi nasional ini kepada seluruh rakyat negeri Johor.

Beliau berharap usaha yang dibuat oleh kerajaan ini akan dapat diterima oleh seluruh rakyat demi kemajuan negeri Johor dan Malaysia keseluruhannya.

"Sebelum Exco dengar, sebelum ahli Parlimen dengar, sebelum apa tuan-tuan (pemimpin BN) dengar dulu, eloklah rakyat dulu mendengarnya, eloklah kalau begitu.

"Setuju tak dengan pembangunan di Johor Bahru?" seru Abdullah di akhir ucapannya sambil disahut "setuju" oleh para hadirin yang memenuhi ruang letak kereta lapangan terbang itu.